

24 JUL 2001

Mahathir-kad

BANYAK LAGI PENGGUNAAN KAD PINTAR DI MASA DEPAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bilangan aplikasi dalam kad pintar boleh ditambah di masa depan.

"Kita boleh tambah aplikasinya. Jadi, ianya berterusan...kita tak perlu membawa kad-kad lain atau wang sekalipun," kata Perdana Menteri kepada pemberita.

Sebelum itu, beliau menyerahkan kad pintar Proton World International kepada Iris Technology Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara di pejabat Iris di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil.

Aplikasi kad pintar pada masa ini merangkumi kad pengenalan, pasport, lesen memandu dan e-tunai.

Pada April lepas, Malaysia menjadi negara pertama di dunia melancarkan Kad Pelbagai Guna Kerajaan, dengan memasukkan empat aplikasi itu untuk peringkat pertama.

Dr Mahathir berkata jabatan dan agensi kerajaan perlu dilengkapi dengan peralatan tertentu sebagai persediaan melaksanakan sistem kad pintar.

Ketika ditanya sama ada satu tempoh akan ditetapkan supaya semua rakyat Malaysia menukar kad pengenalan mereka kepada kad pintar, beliau berkata perkara itu akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Kita tidak boleh melakukannya serentak kerana kita perlu membeli peralatan yang sesuai," katanya.

-- BERNAMA

RV AZZ MAI